

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 MAY 2016

Bank Negara puji pelaksanaan GST, rasionalisasi subsidi

Um - 10/5/2016

PUTRAJAYA 9 Mei - Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan rasionalisasi subsidi diakui Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Muhammad Ibrahim sebagai dua langkah berani kerajaan dalam menangani persekitaran ekonomi global yang tidak menentu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perkara itu dimaklumkan kepadanya dalam perbualan beliau bersama Muhammad baru-baru ini.

Menurut Perdana Menteri, Muhammad menjelaskan, sekiranya dua langkah itu tidak diperkenalkan, kemungkinan negara ini berdepan dengan nasib yang sama seperti ekonomi Greece.

"Cuba bayangkan jika kita tarik RM40 bilion daripada hasil negara setahun, ia akan memberi implikasi dan kesan kepada negara. Walaupun kita buat GST, harga barang naik sedikit tetapi ia memberi asas kekuatan yang lebih besar kepada Malaysia.

"Tambah lagi kita buat macam-macam seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), kelonggaran cukai dan pengecualian kadar GST sifar pada pelbagai jenis barangan, ini semua kita lakukan untuk melindungi rakyat daripada ditimpa tekanan akibat GST. Dalam Pilihan Raya Negeri Ke-11 Sarawak baru-baru ini, pembangkang cuba mainkan isu ini tetapi nampaknya rakyat semakin faham bahawa langkah itu amat tepat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini Bangunan Perdana Putra di



NAJIB TUN RAZAK berjabat tangan dengan Muhammad Ibrahim yang membuat kunjungan ke Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, baru-baru ini. - BERNAMA

sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam ekonomi dunia berdepan dengan harga minyak dunia yang jatuh begitu dahsyat dan harga komoditi lain berada di paras rendah, kerajaan masih mampu melaksanakan pelbagai program untuk rakyat.

"Kita juga mampu menjaga kebajikan pegawai-pegawai perkhidmatan awam termasuk kenaikan tahunan khas satu mata tangga gaji bermula 1 Julai ini dan gaji minimum yang lebih tinggi juga kita akan laksanakan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri mahu penjawat awam memberi tumpuan sepenuhnya kepada

pelaksanaan program pembangunan untuk rakyat, khususnya menunaikan janji yang dibuat sebelum ini memandangkan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) tidak lama lagi.

Menurut beliau, kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11) Sarawak, Sabtu lalu bukti rakyat memberi sokongan rakyat kepada kerajaan hari ini semakin meningkat.

Sehubungan itu katanya, dengan mandat yang diberikan itu, penjawat awam perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dalam menyelesaikan isu-isu dan agenda untuk rakyat dan negara.